

Keberkesanan Aktiviti Kesukarelawanan Terhadap Kemahiran Insaniah Pelajar Sijil Teknologi Elektrik Kolej Komuniti Masjid Tanah

Haslina Binti Hashim^{1*}, Norfadzilah Binti Mohamad², Nur Azlina Binti Jamil³

^{1,2,3} Unit Teknologi Elektrik, Kolej Komuniti Masjid Tanah, Paya Rumput, 78300 Masjid Tanah, Malacca

*Corresponding author's email: haslina@kkmt.edu.my

Abstrak : Institusi pendidikan tinggi yang menawarkan pendidikan latihan teknikal dan vokasional (TVET) berperanan membangunkan pelajar yang cemerlang dari segi pencapaian akademik dan kemahiran teknikal, tetapi juga nilai-nilai insaniah terutamanya kemahiran berpasukan, berkomunikasi dan kepemimpinan melalui program kesukarelawanan. Melalui program yang dianjurkan oleh kelab pelajar di institusi dapat memberikan pelajar membina hubungan dan meluaskan rangkaian sosial sesama pelajar, komuniti setempat dan pihak industri. Pelajar yang proaktif dalam aktiviti sukarelawan dan bermasyarakat, biasanya mempunyai nilai kompetitif dan berdaya saing yang tinggi secara tidak langsung menjadi pilihan majikan dan industri. Kajian ini dilakukan untuk meninjau tahap keberkesanan aktiviti kesukarelawanan yang telah dijalankan oleh 109 pelajar Sijil Teknologi Elektrik (SKE). Rekabentuk kajian menggunakan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan soal selidik. Soal selidik diberi kepada pelajar selepas program dijalankan. Pembolehubah yang diuji berdasarkan kemahiran kepimpinan, kerja berpasukan dan kemahiran komunikasi. Soal selidik telah di analisis dengan menggunakan Perisian SPSS Statistic Version 29.0. Hasil dapatan kajian menunjukkan aktiviti kesukarelawanan atau khidmat komuniti kepada masyarakat yang dianjurkan oleh kelab pelajar SKE memberi kesan yang baik terhadap kemahiran insaniah pelajar dengan semua pembolehubah mendapat min yang tinggi. Dapatan kajian juga menunjukkan pelajar seronok dan memahami keperluan menyertai program sukarelawan. Kesimpulan daripada kajian mendapati pendekatan kesukarelawanan yang dijalankan oleh Kolej Komuniti Masjid Tanah memberi kesan yang positif kepada pelajar. Pendekatan aktiviti sukarelawan perlu lebih kreatif dan diubah daripada bentuk khidmat masyarakat kepada program penglibatan masyarakat.

Kata kunci : Kesukarelawanan, kemahiran insaniah, kelab pelajar

1. Pengenalan

Pada masa kini mendapatkan pekerjaan dengan gaji yang sepadan dengan kelayakan menjadi cabaran penting bagi graduan selepas menamatkan pengajian. Realitinya pada masa ini, ramai graduan terpaksa mengambil sebarang peluang pekerjaan yang mereka dapat atau ditawarkan untuk terus hidup dan menambahkan pengalaman. Satu faktor yang menyumbang kepada majikan teragak-agak untuk mengambil graduan baru ialah kekurangan kemahiran insaniah dan profesional yang diperlukan untuk memenuhi keperluan dan penyesuaian pekerjaan semasa yang sebenar. Oleh itu, pelajar institusi pendidikan tinggi mesti menilai dan mengutamakan keperluan dan jangkaan majikan untuk memperoleh kemahiran tambahan yang diperlukan. Graduan lepasan Institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) terutamanya di kolej komuniti perlu memiliki kemahiran insaniah agar selari dengan permintaan majikan. Salah satu program yang dijalankan di kolej komuniti ialah program kesukarelawanan melalui kelab pelajar terdiri daripada semua pelajar yang menuntut di kolej komuniti bertujuan mendedahkan pelajar kepada kemahiran insaniah. Untuk menghasilkan graduan yang menguasai kemahiran insaniah penerapan harus dilakukan sewaktu masih belajar dengan menguruskan program dan bergiat aktif dalam aktiviti luar kelas (Zulfadhli Osman, Mohd Fikri Murshidi & Sahairil Azlan. 2019). Ali et al., (2012) menyatakan tenaga kerja yang mempunyai kemahiran insaniah amat diperlukan pada masa kini.

Program Sijil Teknologi Elektrik (SKE) Kolej Komuniti Masjid Tanah (KKMT) telah menubuhkan kelab pelajar SKE dalam usaha melahirkan mahasiswa yang dapat meluaskan jaringan sosial, baik dalam kalangan mahasiswa sendiri, komuniti atau pihak industri yang berpotensi. Program-program kesukarelawanan yang melibatkan komuniti setempat adalah salah satu daripada program yang dijalankan. Mabry (1998) menyatakan pelajar yang mengambil bahagian dalam kerja sukarela mengalami perubahan ketara dalam nilai sosial mereka. Kebanyakan program kesukarelawanan yang dianjurkan oleh kelab pelajar SKE diuruskan oleh pelajar itu sendiri bermula dengan permohonan kelulusan, penulisan kertas kerja, pengurusan semasa sehingga selesai program tersebut. Pensyarah hanya sebagai fasilitator untuk memudahkan cara program berlangsung. Selain itu, program kesukarelawanan juga dapat

memberi pelajar mempraktikkan apa dipelajari di dalam bilik kuliah seterusnya menyumbang semula kepada masyarakat.

2. Penyataan Masalah

Kebanyakan institusi TVET meningkatkan dan menekankan keperluan kurikulum baharu untuk memenuhi kehendak majikan atau pasaran kerja kerana persaingan ekonomi dan kemajuan teknologi. Untuk menjadi pilihan industri dan berdaya saing, sahsiah pelajar perlu seimbang antara keperluan akademik dan pengalaman kepimpinan. Di peringkat kolej komuniti aktiviti kesukarelawan dipergiatkan secara maksimum melalui penubuhan Briged Sukarelawan Kolej Komuniti termasuklah Kelab Pelajar SKE KKMT. Banyak program yang dilakukan oleh pelajar tetapi apakah kesan yang berlaku kepada pelajar sepanjang dan selepas program dijalankan. Oleh itu, penilaian program sukarelawan tersebut hendaklah dilakukan agar program tersebut memenuhi keperluan pelajar terutamanya kemahiran komunikasi, kerja berpasukan dan kepimpinan pelajar. Akibat dari ketidaksepadanan kecemerlangan akademik dan insaniah pelajar menyebabkan graduan kolej komuniti sukar mendapat pekerjaan (Hanapi & Kamis, 2017).

3. Objektif Kajian

Objektif kajian ini secara amnya adalah untuk melihat tahap keberkesanan aktiviti kesukarelawan yang telah anjurkan oleh kelab pelajar kepada kemahiran insaniah pelajar Sijil Teknologi Elektrik Kolej Komuniti Masjid Tanah. Kemahiran insaniah yang dikenalpasti ialah kemahiran komunikasi, kerja berpasukan dan kepimpinan. Objektif kajian ini adalah untuk :

- i. Menenalpasti peningkatan tahap kemahiran insaniah kepada pelajar- pelajar Sijil Teknologi Elektrik Kolej Komuniti Masjid Tanah
- ii. Menenalpasti elemen kemahiran insaniah paling tinggi peningkatannya yang diperolehi oleh pelajar Sijil Teknologi Elektrik Kolej Komuniti Masjid Tanah.
- iii. Menenalpasti keberkesanan program yang dianjurkan kepada pelajar Sijil Teknologi Elektrik Kolej Komuniti Masjid Tanah.

4. Batasan Kajian

Kajian ini hanya melibatkan peserta-peserta program yang merupakan pelajar-pelajar SKE KKMT. Responden pelajar adalah daripada pelajar semester 1 hingga semester 3 sahaja.

5. Kajian Literatur

Menurut *Cambridge English Dictionary* (2020) menyatakan kesukarelawan merujuk kepada minda untuk melibatkan diri dalam aktiviti atau memberikan bantuan secara rela, tanpa sebarang paksaan atau pampasan kewangan. Maksud sukarelawan ialah melibatkan diri dalam aktiviti sukarelawan melalui pelbagai pendekatan seperti memberi khidmat nasihat, menawarkan bimbingan dan kaunseling, memupuk motivasi, menyampaikan perkhidmatan sosial, menggalakkan kerja berpasukan, melaksanakan pelbagai kemahiran dan terapi, membantu dalam proses pemulihan terapi, memanfaatkan teknologi, dan banyak lagi (Azizan, 2016). Kenyataan ini disokong oleh Annarita et al. (2019), melibatkan diri dalam kerja sukarela meningkatkan kerja berpasukan, memupuk kebolehan menyelesaikan masalah, meningkatkan kemahiran komunikasi, menawarkan pengalaman dalam usaha amal, dan membantu dalam pembangunan konstruktif pasukan atau organisasi. Sehubungan itu, kesukarelawan boleh meningkatkan kemahiran insaniah pelajar melalui pengalaman semasa aktiviti dijalankan. Oleh itu, institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan terutamanya institusi TVET hendaklah berperanan melahirkan graduan kompeten dalam pasaran kerja, bahkan memiliki kemahiran, pengetahuan dan kepimpinan.

Mengambil bahagian dalam aktiviti kokurikulum atau sukarelawan memberi manfaat kepada kejayaan personal dan akademik pelajar. Penyertaan pelajar semasa dalam pengajian menyokong

pembangunan sahsiah pelajar dengan memberi mereka kemahiran yang diperlukan untuk kejayaan sendiri seperti kemahiran kepimpinan, pengurusan masa kemahiran, dan keupayaan untuk menerima kritikan yang membina. Menurut Haron & Idris (2010), graduan masa kini dilaporkan memiliki kemahiran teknikal yang kukuh, namun mereka bergelut dengan kekurangan dalam kemahiran generik. Melibatkan diri dalam aktiviti sukarela yang dianjurkan oleh persatuan pelajar atau institusi pendidikan itu sendiri adalah salah satu cara untuk membangunkan kemahiran insaniah. Tahap kemahiran insaniah yang tinggi boleh meningkatkan prestasi keseluruhan pelajar dalam pelajaran mereka. Kemahiran ini penting bukan sahaja untuk mendapatkan pekerjaan tetapi juga untuk berkembang maju dalam kerjaya (Levant et al., 2016). (Shaheen et al., 2019). Aktiviti kesukarelawan ini amatlah penting kepada pelajar-pelajar kerana ia juga merupakan pembelajaran berdasarkan kepada pengalaman dan proses pemindahan pengetahuan yang meningkatkan kemahiran insaniah seterusnya meningkatkan permintaan majikan. Selain itu aktiviti kesukarelawan juga adalah promosi tanggungjawab sivik dan sosial pelajar dan IPT tersebut.

6. Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan satu penyelidikan menggunakan pendekatan kuantitatif dengan instrumen soal selidik. Saiz sampel adalah pelajar SKE KKMT seramai 109 pelajar yang dipilih secara rawak.. Semua responden merupakan pelajar yang telah menyertai program kesukarelawanan dan khidmat masyarakat yang diuruskan atau dianjurkan oleh kelab pelajar SKE KKMT. Soal selidik ini disemak oleh dua orang pakar dari segi kebolehpercayaan instrumen soal selidik dan kesesuaian tiap-tiap satu item. Soalselidik ini mempunyai dua (2) bahagian iaitu Bahagian A dan B. Bahagian A mempunyai dua item yang merupakan demografi responden iaitu jantina dan semester responden. Manakala, Bahagian B pula mengukur tahap kemahiran komunikasi, kerja berpasukan, kemahiran kepimpinan dan penerimaan pelajar terhadap aktiviti yang dijalankan. Instrumen yang digunakan diadaptasi daripada Suzanah Jumat et al (2014) . Kemudian, item-item ini telah disesuaikan mengikut keperluan kajian. Kaedah pengukuran Bahagian B dengan menggunakan skala Likert 5 mata dalam menilai maklum balas responden kajian.

Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) versi 29.0 telah digunakan untuk melakukan analisis statistik deskriptif dan inferensi ke atas data. Statistik deskriptif, seperti min, sisihan piawai, atau nilai peratusan, digunakan untuk menganalisis data deskriptif mengenai penyertaan pelajar dalam kerja sukarela dan kemahiran insaniah. Nilai min yang diperolehi seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 telah ditafsir menggunakan kaedah tafsiran statistik deskriptif yang dikeluarkan oleh Jamil Ahmad (2002).

Jadual 1. Interpretasi Skor Min bagi Deskriptif Statistik

Skor Min	Interpretasi
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

Nilai kebolehpercayaan instrumen dinilai menggunakan Cronbach's Alpha Coefficient. Chua (2016) menyatakan antara 10 hingga 30 orang responden perlu dimasukkan dalam sampel kajian rintis. Saiz sampel kajian rintis ialah dua puluh sampel. Mengikut dapatan analisis ujian kebolehpercayaan, Pekali Alfa Cronbach kajian rintis ialah.698. Apabila pekali alfa Cronbach lebih daripada 0.6, ia boleh diambil kira dan diterima. Nidzam, Muhammad (2016).

7. Dapatan Kajian Dan Perbincangan

7.1 Demografi Responden Kajian Dari Segi Jantina dan Semester

Dapatan kajian pada Bahagian A iaitu komposisi dan perincian demografi responden ditunjukkan dalam Jadual 2. Mengikut demografi jantina responden, 24 (22.0%) adalah perempuan dan 85 (78.0%) adalah lelaki. Empat responden (3.7%) adalah dari semester 1, lima puluh enam (51.4%) dari semester 2, empat puluh enam (42.2%) dari semester 3, dan tiga (2.8%) dari semester 4.

Jadual 2 . Analisis Data Responden .

Kategori	Profil	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	85	78.0
	Wanita	24	22.0
Semester	1	4	3.7
	2	56	51.4
	3	46	42.2
	4	3	2.8

7.2 Mengenalpasti peningkatan tahap kemahiran insaniah kepada pelajar- pelajar Sijil Teknologi Elektrik Kolej Komuniti Masjid Tanah

Analisis data ini dinyatakan bagi menjawab objektif kajian yang pertama iaitu mengenalpasti peningkatan tahap kemahiran insaniah kepada pelajar- pelajar Sijil Teknologi Elektrik Kolej Komuniti Masjid Tanah. Dalam bahagian ini, lapen item telah nyatakan dalam soal selidik iaitu item 1 hingga 8. Analisis data mendapati bahawa peningkatan kemahiran insaniah adalah seperti Jadual 3 di bawah.

Jadual 3 . Kemahiran insaniah yang diukur.

Kemahiran Insaniah yang diuji	Min	Sisihan Piawai
Kemampuan membina hubungan dan berinteraksi dengan	4.7523	.64054
Membantu rakan-rakan yang meminta pertolongan atau dalam kumpulan	4.7523	.64054
Menyelesaikan kerja yang diberi walaupun tidak minat	4.8807	.44565
Yakin untuk menguruskan program /aktiviti.	4.5963	.99181
Tahu menguruskan organisasi	4.5688	.96578
Tugasan yang diberikan akan disiapkan mengikut perancangan	4.8624	.55223
Mudah menyampaikan idea	4.8165	.57999
Boleh berunding dengan semua orang	4.8073	.60057

Daripada nilai min yang diperoleh menunjukkan semua kemahiran insaniah yang di ukur mendapat skor yang tinggi dalam lingkungan 3.67 hingga 5.00. Ini menunjukkan bahawa aktiviti pelajar bertujuan untuk membantu mereka mengembangkan kemahiran insaniah mereka. Kesimpulan kajian adalah konsisten dengan kajian oleh Hyde & Knowles (2013) yang mendapati bahawa kerja sukarela meningkatkan tahap perkembangan personaliti bakal graduan.

7.3 Mengenalpasti elemen kemahiran insaniah paling tinggi peningkatannya yang diperolehi oleh pelajar Sijil Teknologi Elektrik Kolej Komuniti Masjid Tanah

Seperti yang dilihat dalam Jadual 4 di bawah, ciri-ciri kemahiran insaniah yang diukur boleh diasingkan kepada tiga kategori iaitu kemahiran kepimpinan, kerja berpasukan, dan komunikasi.

Jadual 4 . Analisis Min Perbezaan Kemahiran Insaniah.

Kemahiran Insaniah yang diuji	Min	Sisihan Piawai
K1 : Kemahiran Komunikasi	4.6758	.58348
Kemampuan membina hubungan dan berinteraksi dengan		
Membantu rakan-rakan yang meminta pertolongan atau dalam kumpulan		
Menyelesaikan kerja yang diberi walaupun tidak minat		
K2 : Kemahiran Kerja Berpasukan	4.8119	.42377
Yakin untuk menguruskan program /aktiviti.		
Tahu menguruskan organisasi		
Tugasan yang diberikan akan disiapkan mengikut perancangan		
K3 : Kemahiran Kepimpinan	4.8165	.40186
Mudah menyampaikan idea		
Boleh berunding dengan semua orang		

Daripada analisis yang diperolehi didapati elemen kemahiran insaniah paling tinggi peningkatannya yang diperolehi oleh pelajar Sijil Teknologi Elektrik Kolej Komuniti Masjid Tanah ialah kemahiran insaniah yang berkaitan kerja berpasukan dan kemahiran kepimpinan. Ini mungkin disebabkan pelajar-pelajar suka dengan aktiviti sukarelawan yang dilakukan di luar kelas. Pelajar – pelajar kolej komuniti memang aktif dan lebih mudah memahami melibatkan kerja praktikal. Menurut kajian oleh MacArthur, A., & Ness, A. B. (2013), memberikan masa dan tenaga seseorang untuk membantu orang lain boleh membuatkan seseorang berasa selamat, berpuas hati dan gembira.

7.4 Mengenalpasti keberkesanan program yang dianjurkan kepada pelajar Sijil Teknologi Elektrik Kolej Komuniti Masjid Tanah

Di dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan semestinya keberkesanan atau penerimaan peserta menjadi kepentingan kepada penganjur. Penerimaan peserta menunjukkan bahawa aktiviti yang dijalankan menepati objektif. Keberkesanan ini akan menjadikan faktor utama kepada program yang seterusnya. Jadual 5 menunjukkan min penerimaan pelajar terhadap aktiviti yang telah dijalankan.

Jadual 5 . Analisis Min Keberkesanan Program.

	Min	Sisihan Piawai
Program/aktiviti seperti ini menyeronokkan.	4.8440	.53010
Saya memahami objektif program /aktiviti ini	4.8807	.46597

Jadual 6 . Analisis Peratus Keberkesanan Program.

Program/aktiviti seperti ini menyeronokkan	Frekuensi	Peratus
Sangat Tidak Setuju	0	0
Tidak Setuju	1	.9
Tidak Pasti	5	4.6
Setuju	4	3.7
Sangat Setuju	99	90.8

Jadual 7 . Analisis Peratus Keberkesanan Program.

Saya memahami objektif program /aktiviti ini	Frekuensi	Peratus
--	-----------	---------

Sangat Tidak Setuju	0	0
Tidak Setuju	1	.9
Tidak Pasti	3	2.8
Setuju	4	3.7
Sangat Setuju	101	92.7

Daripada analisis yang didapati pelajar-pelajar seronok melakukan aktiviti-aktiviti kesukarelawan dan memahami objektif program yang dilakukan. Data menunjukkan lebih 90 % pelajar seronok dan sukarela menjalankan aktiviti kesukarelawan. Ini menunjukkan program tersebut amatlah berkesan kepada pelajar. Latihan kerja berpasukan yang menjadi amalan di kolej komuniti memberi impak kepada pelajar semasa latihan industri (Zaryati Zaini, & Mardhiah Binti Shari, 2022). Untuk menunjukkan keputusan kajian ini, adalah penting untuk memastikan skor min yang diperolehi adalah tepat. Oleh itu, sisihan piawai diambil kira dan mesti hampir sifar. Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar mempunyai kemahiran insaniah yang lebih baik dan program memberi impak kepada pelajar. Dengan nilai sisihan piawai yang rendah dan skor min yang tinggi menunjukkan dapatan hasil kajian.

8. Kesimpulan

Di industri pekerjaan, terdapat permintaan untuk graduan yang berkebolehan dan berkemahiran tinggi. Pelajar bermula dengan pengetahuan, pengalaman praktikal dan kemahiran generik bukannya hanya dengan sijil akademik semata-mata. Hasil dapatan kajian ini akan memberi gambaran kepada pihak pengurusan dan pihak berkepentingan yang lain tentang kesan pelaksanaan aktiviti pelajar yang dikendalikan oleh kelab pelajar itu sendiri.. Kesukarelawanan ialah kerja-kerja sukarela yang dilakukan tanpa mengharap ganjaran. Kemahiran insaniah, seperti nilai positif dan kepemimpinan, perlu dikuasai oleh setiap pelajar melalui aktiviti sukarela. Nilai insaniah ini perlu diamalkan melalui khidmat sosial di IPT. Sumbangan tanpa keuntungan boleh mendekatkan pelajar dengan masyarakat. Semangat kesukarelawanan perlu ditanamkan dalam kalangan mahasiswa untuk memperkukuhkan sikap tolong-menolong dan penguasaan pelbagai kemahiran. Majikan kini mengambil kira kemahiran insaniah sebagai nilai tambah. Oleh itu, kesukarelawanan memberi manfaat yang besar kepada individu dalam mencari pekerjaan.

RUJUKAN

- Ali, F. A., Long, Y., Zainol, F. A., & Mansor, M. (2012). Students' Self-perceived Importance of Employability Skills Needed: A Case Study in the University of Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Malaysia. 2nd International Conference on Management (2nd ICZM 2012), 1038-1054
- Annarita Colasante, Aurora García-Gallego, Nikolaos Georgantzis & Andrea Morone. (2019). Voluntary contributions in a system with uncertain returns: a case of systemic risk. *Journal of Economic Interaction and Coordination*, 15,11-132. <https://doi.org/10.1007/s11403-019-00276-z>
- Azizan Bahari. (2016). *Kesukarelawanan*. Kangar: Pustaka Qarya.
- Cambridge University Press. (n.d.). Upcycling. In the *Cambridge dictionary*. Retrieved April 8, 2020, from <https://dictionary.cambridge.org/us/dictionary/english/upcycling>
- Chua, Y. P. (2016). *Mastering Research Methods* (2nd ed., Issue May). McGraw-Hill.
- Hanapi, Z., & Kamis, A. (2017). Analisis Perbandingan di Antara Industri, Pensyarah dan Graduan Terhadap Kepentingan Kemahiran Teknikal dan Kemahiran Employability yang Perlu Dikuasai oleh Graduan Bidang Elektrik di Kolej Komuniti. *Sains Humanika*, 9(1-5). <https://doi.org/10.11113/sh.v9n1-5.1178>

- Haron, Z., & Idris, A. A. (2010). Persepsi Pelajar Terhadap Penerapan Kemahiran Generik Dalam Aktiviti Kokurikulum Di Kalangan Pelajar Tahun Dua Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. Universiti Teknologi Malaysia
- Hyde, M. K., & Knowles, S. R. (2013, September). What Predicts Australian University Students' Intentions to Volunteer Their Time for Community Service? *Australian Journal of Psychology*, 65(3), 135-145. doi:10.1111/ajpy.. 12014/abstract
- Jamil Ahmad. (2002). Pemupukan Budaya Penyelidikan di Kalangan Guru di Sekolah: Satu Penilaian. Tesis Ijazah Kedoktoran, Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Levant, Y., Coulmont, M., & Sandu, R. (2016). Business simulation as an active learning activity for developing soft skills. *Accounting Education*, 25, 368–395. doi:10.1080/09639284.2016.1191272
- Mabry, J.B. (1998). Pedagogical variations in service-learning and student outcomes: How Time, Contact and Reflection Matter. *Michigan Journal of Community Service Learning*, 5(1), 32- 47
- MacArthur, A., & Ness, A. B. (2013). Skills-Based Volunteering: The New Executive Training Ground. *Stanford Social Innovation Review*. <https://doi.org/10.48558/68ZF-3207>
- Muhammad Nidzam, Y. (2016). Pembangunan Model Kurikulum M-Pembelajaran Teknologi Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran di IPG.
- Shaheen Majid, Chithra Mary Eapen, Ei Mon Aung, and Khine Thazin Oo. (2019). The Importance of Soft Skills for Employability and Career Development: Students and Employers' Perspectives. *IUP Journal of Soft Skills* 13(4),7-39.
- Suzanah Jumat, Andi Muhammad Yusuf B, Andi Maddukelleng, Muhamad Roslan Omar, Anuar Ahmad, & Mohd Mahzan B. Awang. (2014). Penglibatan Pelajar Universiti Terhadap Aktiviti Sosial Dalam Komuniti Pada Waktu Senggang: Kajian Perbandingan di Malaysia dan China
- Zaryati Zaini, & Mardhiah Binti Shari. (2022). Kajian Keberkesanan Latihan Industri Pelajar Sijil Teknologi Elektrik (Tahun 2018-2020), Kolej Komuniti Jelevu dari Persepsi Majikan. *International Journal of Advanced Research in Future Ready Learning and Education*, 28(1), 17–23. Retrieved from <https://akademiabaru.com/submit/index.php/frle/article/view/4518>
- Zulfadhli O. & Mohd Fikri M. & Sahairil Azlan S. (2019). Keberkesanan Bengkel Pengurusan Organisasi Persatuan Pelajar 2018 Terhadap Peningkatan Kemahiran Insaniah Pelajar Kolej Komuniti Beaufort.